

# Kutip sampah 20 tan sebulan

FOTO | Azahar Hashim

**K**ULIM: Sempena sambutan ulang tahun naik taraf Majlis Perbandaran Kulim Kedah (MPKK), yang ke-10, pelbagai acara sudah diatur bermula Oktober lalu hingga Disember depan untuk memeriahkan program berkenaan.

Antara aktiviti itu termasuk majlis bacaan Yasin, karnival usahawan, minggu kesenian Islam, sukan rakyat dan gotong royong dengan diikuti acara kemuncak dengan perasmian oleh Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Razak pada 22 November ini.

Yang Dipertuanya, Zohdi Saad, berkata berikutan itu, pihak MPKK mengharapkan warga Kulim dapat turut serta mengambil bahagian untuk memeriahkan program yang diadakan sepanjang tempoh berkenaan.

“Sempena sambutan ini, MPKK turut mengadakan program gotong-royong membersihkan Sungai Tebuan yang kini semakin tercemar akibat kurang kesedaran di kalangan penduduk berhampiran.

“Setiap bulan, MPKK terpaksa mengutip sampah seberat 20 tan di kawasan perangkap sampah serta di dalam Tasik Putra terutama ketika musim hujan.

“Kebanyakan sampah itu ada-



**GOTONG-ROYONG...Sulaiman (dua dari kiri) bersama peserta membersihkan Sungai Tebuan.**

lah sisa buangan manusia yang tidak memandang serius masalah alam sekitar dan keadaan itu adalah salah satu punca berlakunya banjir kilat di kawasan berdekatan,” katanya.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Ahli Majlis MPKK, Sulaiman Ibrahim selepas majlis gotong-royong Sungai Tebuan di Taman Rekreasi Jalan Pegawai, di sini, baru-baru ini.

Lebih 400 orang terdiri daripada kakitangan MPKK, JPS,

pelatih Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) Bukit Besar, pelajar Sekolah Kebangsaan Kulim dan penduduk yang dibahagikan kepada beberapa kumpulan turut serta dalam gotong-royong berkenaan.

Zohdi berkata, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri sudah membelanjakan jutaan ringgit bagi menaik taraf Sungai Tebuan untuk mengelakkan berlaku kejadian banjir kilat yang kerap melanda ka-

wasan terbabit ketika musim hujan.

Bagaimanapun, katanya, usaha yang dilakukan tidak akan berjaya sekiranya tiada kerjasama di kalangan penduduk setempat yang hanya meletakkan kesalahan kepada agensi kerajaan saja.

“Sekiranya kawasan Sungai Tebuan ini bersih, maka Tasik Putra juga akan bersih dan menjadi daya tarikan kepada orang ramai untuk beriadah,” katanya.